

Sokongan bagi warga

Pakej sokongan yang diperkukuh bagi membantu warga Singapura menampung perbelanjaan harian yang bertambah diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri, Encik Lawrence Wong, pada 14 Februari. Antaranya, Pakej Jaminan ditambah daripada \$6.6 bilion kepada \$9.6 bilion dan skim Baucar GST juga dipertingkatkan.



INDIVIDU

▶ WANG TUNAI

21-54 tahun: Sehingga \$1,700
55 tahun dan ke atas: Sehingga \$2,300

▶ TOKOKAN

- **Medisave**
20 tahun dan ke bawah: \$150
55 tahun dan ke atas: \$150-\$600
- **Akaun Pembangunan Anak (CDA):** \$400
- **Akaun Edusave & Akaun Pendidikan Posmenengah:** \$300



PEKERJA

▶ LATIHAN

- **Penyepadu Pekerjaan dan Kemahiran:** Sokongan tambahan bagi pekerja, terutama yang lebih matang,
- tambah kemahiran menerusi latihan, mencebuh peluang naik gaji. Diperkenalkan dahulu dalam sektor runcit, kejuruteraan jitu dan perdagangan borong.

▶ MAJIKAN

- **Skim Kredit Gaji Progresif:** Dana ditokok \$2.4 bilion, sokong perniagaan tambah gaji pekerja.
- **Kredit Pekerjaan Warga Emas:** Dilanjut sehingga 2025, sokong majikan gajikan warga emas.
- **Geran Pengambilan Bekerja Semula secara Sambilan:** Dilanjut sehingga 2025, galak majikan tawarkan aturan kerja lebih longgar bagi warga emas.
- **Kredit Menyokong Pengambilan Pekerja Kurang Upaya:** Sokongan dipertingkatkan bagi majikan yang gajikan orang kurang upaya.
- **Kredit Peningkatan Pekerja:** Sokongan bagi majikan gajikan bekas pesalah.

▶ PERKUKUH PERSEDIAAN PERSARAAN

- **Sokongan Peralihan CPF:** Bagi pekerja platform apabila sumbangan CPF dinaikkan.
- **Kadar sumbangan CPF:** Dinaikkan bagi pekerja warga emas, Imbangan Peralihan CPF juga disediakan.

- **Skim Bayaran Persaraan:** Bayaran bulanan minimum warga emas dinaikkan kepada \$350.
- **Had gaji bulanan CPF:** Dinaikkan daripada \$6,000 kepada \$8,000 menjelang 2026.



KELUARGA

- **Baucar CDC:** \$300
- **Rebat U-Save (Baucar GST):** \$440-\$760
- **Rebat S&CC (Baucar GST):** 1.5-3.5 bulan
- **Membeli flat BTO pertama:** Pasangan suami isteri berusia 40 tahun dan ke bawah serta keluarga yang punya anak diberikan satu 'ballot' tambahan semasa memohon.
- **Membeli flat jual semula pertama:** Geran Perumahan CPF dinaikkan sehingga \$30,000; keluarga layak boleh terima geran keseluruhan sehingga \$190,000.
- **Pendapatan rendah:** Sehingga 80% kanak-kanak akan disokong KidSTART mulai 2023.
Khidmat sosial lebih bersepadu melalui ComLink, yang sokong 14,000 keluarga yang punya anak dan tinggal di rumah sewa.
- **Sokongan awal kanak-kanak**
 - **Hadiah Tunai Bonus Bayi:** Ditambah \$3,000
 - **Akaun Pembangunan Anak:** Geran Langkah Pertama ditambah \$2,000; had dana pemerintah bagi pemadanan ditambah \$1,000 bagi anak pertama dan kedua.
 - **Cuti bersalin bagi bapa (dibayar pemerintah):** 2 minggu sehingga 31 Dis 2023; 4 minggu mulai 1 Jan 2024.
 - **Cuti jagaan bayi tidak berbayar:** 12 hari setahun bagi setiap ibu bapa, mulai 1 Jan 2024 (kanak-kanak bawah 2 tahun).
 - **Pelepasan Anak untuk Ibu yang Bekerja:**

	Sehingga 31 Dis 2023	Mulai 1 Jan 2024
Anak pertama	15% gaji ibu	\$8,000
Anak kedua	20% gaji ibu	\$10,000
Anak ketiga dan seterusnya	25% gaji ibu	\$12,000